

# DIAMOND EMBROCATION OIL

Menthol / Methyl Salicylate / Eucalyptus Oil / Camphor (5% w/w / 60% w/w / 10% w/w / 10% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Diamond Embrocation Oil
2. Bagaimana Diamond Embrocation Oil berfungsi
3. Sebelum menggunakan Diamond Embrocation Oil
4. Cara menggunakan Diamond Embrocation Oil
5. Semasa menggunakan Diamond Embrocation Oil
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Diamond Embrocation Oil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Diamond Embrocation Oil

Digunakan untuk melegakan sakit belakang badan, sakit kaki, urat saraf, terseluh dan lain-lain sakit berkaitan otot dan sendi.

## Bagaimana Diamond Embrocation Oil berfungsi

Camphor: Bertindak sebagai perangsang, sesuai untuk sakit urat saraf dan sakit-sakit bahagian lain.

Menthol: Bertindak sebagai kesan analgesik, menggalakkan penyerapan untuk memberi kesan keleongan yang cepat.

Methyl Salicylate: Digunakan sebagai tindak balas perengsa serta digunakan untuk melegakan kesakitan pada otot atau sendi.

## Sebelum menggunakan Diamond Embrocation Oil

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Diamond Embrocation Oil kepada bayi di bawah umur 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum menggunakan Diamond Embrocation Oil.

### - Sebelum mula menggunakan Diamond Embrocation Oil

Beritahu doktor jika anda hipersensitif kepada kandungan penyediaan ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Untuk orang yang mengambil warfarin, penggunaan yang berlebihan pada kulit untuk sakit otot atau sendi boleh meningkatkan peluang pendarahan.

## Cara menggunakan Diamond Embrocation Oil

### Berapa banyak harus digunakan

Sapukan dengan bebas seperti diperlukan, gosok dan urut dengan sempurna.

\*Balutan atau bungkusan adalah tidak digalakkkan.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Diamond Embrocation Oil untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Penggunaan ubat yang betul, seperti yang diarahkan, tidak akan menyebabkan masalah dos berlebihan.

## AMARAN

Hentikan penggunaan jika iritasi kulit berpanjangan berlaku dan minta pendapat doktor.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Diamond Embrocation Oil

### Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang

menggunakan Diamond Embrocation Oil.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Diamond Embrocation Oil kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian harus diberi apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat. Ia berbahaya untuk meletakkan mana-mana produk yang mengandungi camphor ke dalam rongga hidung kanak-kanak. Penggunaan yang sedikit boleh menyebabkan pengsan. Elakkan sentuhan dengan mata.

## Kesan-sesan sampingan

Iritasi kulit mungkin berlaku. Kesan-sesan sampingan sistemik seperti pening-pening, bunyi deringan di telinga, pekak, berpeluh, loya dan muntah-muntah, sakit kepala dan kekeliruan mental juga mungkin berlaku.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Diamond Embrocation Oil

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak

Jauhi dari mata

Simpan di tempat kering di bawah 25°C

Pastikan bekas ditutup rapat

Untuk kegunaan luar sahaja

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat

# DIAMOND EMBROCATION OIL

Menthol / Methyl Salicylate / Eucalyptus Oil / Camphor (5% w/w / 60% w/w / 10% w/w / 10% w/w)

---

yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Warna merah dengan wangian semulajadi.

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan aktif

Menthol, Methyl Salicylate, Eucalyptus Oil, Camphor

#### - Bahan-bahan tidak aktif

Liquid paraffin, Oil Soluble Red dan Cinnamon Oil

### - Nombor MAL

MAL19911405X

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

02/02/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)020218/00034